

# → TRAGEDI

## Amir patut hadir majlis konvokesyen di UPM

**Petaling Jaya:** "Dia sepatutnya bermalam di rumah abang kami di Padang Jawa, Shah Alam bagi menghadiri majlis konvokesyen di Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang, kelmarin, tapi sehingga kini kelibatnya tidak muncul.

Demikian kata Nun Faizah Mohd Rozali, 23, kakak Amir Hamzah Mohd Rozali, 21, yang dilaporkan

hilang selepas dipercayai cuba membantu mangsa kemalangan di Kilometer 14.5 Lebuhraya Lembah Klang Baru (NKVE) Jumaat lalu.

Nun Faizah berkata ketika hari kemalangan itu, adiknya memulakan perjalanan dengan menunggang motosikal seorang diri dari Lenggong, Perak ke Padang Jawa.

Katanya, dia sepatutnya tiba di

rumah abang mereka jam 3 pagi.

"Namun, abang kami yang menunggu pelik apabila dia tidak muncul kerana keesokannya (Sabtu), dia (Amir) perlu ke UPM bagi menghadiri majlis konvokesyen.

"Kami hanya dapat tahu dia hilang pada Sabtu selepas dimaklumkan motosikalnya ditemui dalam keadaan enjin masih hidup di tepi lebu-

raya yang menjadi lokasi kemalangan maut Jumaat lalu," katanya ketika dihubungi semalam.

### Beg milik Amir ditemui

"Beg yang dijumpai memang milik Amir dan didalamnya hanya ada kad pelajar miliknya," katanya.

Menurut Nun Faizah, dia serta ahli keluarga yang lain yakin ba-

hawa Amir masih hidup namun gagal ditemui berikutan membatalkan unsur ghaib.

Katanya, Sabtu lalu, Amir yang menamatkan pengajian dalam jurusan Diploma Pengurusan Penerbangan, Kolej Teknologi Antarabangsa Cybernatics, di ibu negara sepatutnya menghadiri majlis konvokesyen di UPM.

### BANDINGKAN PRODUK INSURANS UNTUK MENDAPATKAN PELAN PERLINDUNGAN YANG BERSESUAIAN

Liberalisasi Insurans/Takaful Motor telah mendorong syarikat insurans dan pengendali takaful untuk memperkenalkan lebih banyak produk dan perkhidmatan yang berkualiti pada harga yang kompetitif.

Untuk menikmati perlindungan yang lebih bermanfaat, pastikan anda membuat perbandingan dengan meneliti produk-produk dan pelan perlindungan mengikut keperluan dan kemampuan anda melalui **Motor Product Selector** di [www.piam.org.my](http://www.piam.org.my) atau [www.malaysiantakaful.com.my](http://www.malaysiantakaful.com.my). Anda juga boleh menghubungi syarikat insurans/pengendali takaful atau ejen anda.

Untuk maklumat lanjut, hubungi: 03-2274 7399 / 03-2031 8160 atau layari [www.piam.org.my](http://www.piam.org.my) / [www.malaysiantakaful.com.my](http://www.malaysiantakaful.com.my)

Pesanan khidmat masyarakat ini dibawakan oleh:



### 2 MAUT, 7 PARAH DI NKVE

## Remaja bantu mangsa nahas hilang

→ Motosikal enjin masih hidup ditemui di lokasi

Oleh Mohd Azam Shah Yaacob  
mohdazam@nstp.com.my

↳ Petaling Jaya

**K**es kemalangan membatalkan lori kontena, treler, lori dan kereta di Kilometer 14.5 Lebuhraya Lembah Klang Baru (NKVE) yang menyebabkan seorang lelaki dan wanita maut Jumaat lalu menimbulkan misteri apabila sebuah motosikal ditemui dalam keadaan enjin masih hidup di lokasi kejadian.

Bagaimanapun, yang menjadi tanda tanya sehingga ke hari ini ialah penunggang motosikal berkenaan, Amir Hamzah Mohd Rozali, 21, gagal dikesan dan dikhuatiri turut menjadi mangsa kemalangan tragis itu.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Mohd Zani Che Din, berkata maklumat penemuan motosikal itu dimaklumkan kepada abangnya yang kemudian membuat laporan polis.

Katanya, menerusi siasatan, lelaki itu yang menunggang motosikal Yamaha LC135 berwarna merah dipercayai berhenti untuk membantu mangsa kema-



Amir Hamzah Mohd Rozali

langan apabila sebuah treler membawa muatan kimpit simen terbabas sebelum terbalik merentangi lorong tengah serta lorong kanan lebuhraya dalam kejadian jam 4.40 pagi itu.

### Kemalangan kedua

"Lelaki itu dipercayai hilang selepas kemalangan kedua yang berlaku dalam beberapa minit apabila sebuah lori kontena merempuh sebuah lagi lori yang kemudian menghimpit sebuah kereta jenis Honda Civic.

"Kejadian itu dilihat dua lelaki yang kemudian menemui topi keledar mangsa yang pecah di atas jalan," katanya, semalam.

Mohd Zani berkata, abang mangsa yang menerima maklumat mengenai motosikal adiknya semalam, bergegas ke lokasi kejadian sebelum menemui beg pinggang di bawah jambatan pada jam 10.30 pagi.

"Berikutan itu, bermula semalam, operasi mencari mangsa yang dikhuatiri terjatuh ke dalam Sungai Kayu Ara dengan bantuan bomba dan unit anjing pengesanan giat dijalankan," katanya.